

Hubungan Malaysia, Itali lebih baik – Abdullah

UM: 26/6/2007

Daripada **BADRUL AZHAR RAHMAN**

ROM 25 Jun – Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yakin hubungan Malaysia-Itali akan mencapai ke tahap yang lebih baik dengan beberapa kerjasama yang dijalankan dengan kedua-dua buah negara itu termasuk kerjasama perdagangan, ekonomi dan pertanian.

Abdullah yang dalam rangka lawatan rasmi selama tiga hari ke Itali berkata, perbincangan beliau dengan rakan sejawatannya dari Itali, Romano Prodi telah membuah hasil yang positif dan merangkumi pelbagai aspek.

Pada sidang akhbar bersama di kediaman rasmi Perdana Menteri Itali itu, Abdullah berkata, beliau dan Prodi telah membincangkan langkah-langkah lain yang difikirkan boleh dilakukan secara bersama untuk kepentingan kedua-dua negara.

Menurutnya, selain daripada kerjasama dalam bidang pertahanan yang sudah sedia terjalin, kedua-dua negara juga akan menerokai kerjasama dalam bidang lain termasuk bioteknologi.

Pada majlis yang sama, Abdullah dan Prodi menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kerjasama ekonomi Malaysia-Itali yang bertujuan untuk memperluaskan peluang-peluang kerjasama dalam bidang tersebut.

Perjanjian itu ditandatangani oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa Itali, Emma Bonino.

Menurut Abdullah, perjanjian kerjasama ekonomi Malaysia-Itali yang ditandatangani hari ini akan membuka peluang-peluang perniagaan dan perdagangan yang lebih meluas.

“Begitu juga memorandum persefahaman (MoU) antara Penerbangan Malaysia (MAS) dengan Avion de Transport Regional (ATR) yang ditandatangani hari ini bagi membeli pesawat-pesawat ATR me-



ABDULLAH Ahmad Badawi yang ditemani isteri, Datin Seri Jeanne Abdullah bersalaman dengan ahli perniagaan Malaysia setibanya di hotel penginapan beliau di Rom, semalam.

– **Gambar Bernama**

rupakan kejayaan besar dalam hubungan baik kedua-dua negara,” kata Abdullah.

Menurutnya, kedua-dua negara juga akan menandatangani perjanjian kerjasama pertanian esok dan ini juga menanda-

kan satu perkembangan yang penting ke arah kerjasama yang lebih bererti.

Ini adalah lawatan rasmi Perdana Menteri Malaysia yang pertama dalam tempoh 25 tahun di Itali.

Nilai perdagangan Malaysia-Itali pada masa ini berjumlah AS\$2 bilion (RM6.8 bilion) tetapi ia hanya tertumpu pada bidang pertahanan.

– **Utusan**